

Kerajaan terus komited jayakan MSC Malaysia

BH- 18/5/2007

Kemajuan ICT penting capai lima teras Misi Nasional: PM

Oleh Wan Hazmir Bakar
dan Shamshul Azree Samshir

PUTRAJAYA: Kerajaan akan memastikan kejayaan Koridor Raya Multimedia (MSC Malaysia) berikutan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) amat penting bagi mencapai matlamat Misi Nasional, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, sejak dimulakan pada 1996, MSC Malaysia memainkan peranan penting dalam memacu dan membentuk ekonomi negara menerusi kejayaan pelaksanaan pelbagai aplikasi perdana yang memajukan industri ICT dan menjadikan Malaysia destinasi pelaburan menarik.

“Peranan penting ICT dan tekno-

logi dalam mencapai lima teras Misi Nasional adalah amat jelas. Justeru, kerajaan tetap komited memastikan kejayaan MSC Malaysia pada masa ini dan akan datang,” katanya dalam kata-kata aluan dalam buku cenderamata Mesyuarat Panel Penasihat

“Cadangan hasil mesyuarat IAP amat penting dalam membantu Malaysia menentukan hala tuju masa depan”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

Antarabangsa (IAP) Ke-10.

Mesyuarat bertemakan ‘Membawa MSC Malaysia Ke Peringkat Global: Membangunkan Prasarana Ilmu & Mencipta Bakat’ itu dirasmikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, di sini semalam.

Sehubungan itu, Abdullah berkata, Mesyuarat IAP MSC Malaysia amat penting bagi kerajaan kerana ia bukan sekadar pertemuan tahunan ‘sahabat Malaysia’ untuk berbincang dan memberi nasihat berhubung perkara penting berkaitan.

Katanya, sejak sesi sulung di Universiti Standford pada 1997, mesyuarat IAP terus menyediakan kepimpinan yang bernas bagi memacu kejayaan MSC Malaysia.

“Cadangan dan pandangan hasil mesyuarat IAP amat penting dalam

membantu Malaysia menentukan hala tuju masa depan Malaysia dan memastikan kesinambungan inisiatif MSC Malaysia,” katanya.

Abdullah berkata, tema mesyuarat tahun ini bersesuaian ketika Malaysia mempertingkatkan inisiatif ICT bagi memperkukuhkan industri tempatan dan meneroka pasaran global.

Malah, katanya, tema itu bertujuan membawa industri ICT ke peringkat pencapaian seterusnya selain mewujudkan tenaga kerja ICT dinamik dan berbakat yang mampu menghadapi cabaran global yang amat kompetitif.

Perdana Menteri juga mengucapkan terima kasih kepada semua anggota IAP MSC Malaysia di atas pandangan dan sumbangan mereka sejak bertahun-tahun lalu.